



MAJLIS PERBANDARAN Pengerang JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkeelayakan untuk memohon jawatan di **Majlis Perbandaran Pengerang**:

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JUMLAH	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
1.	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J9	Kontrak	1	Pengurusan dan Profesional	Kejuruteraan
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U5	Kontrak	2	Pelaksana	Perubatan dan Kesihatan
3.	Pembantu Khidmat Am	H1	Kontrak	6	Pelaksana	Kemahiran

CARA MEMBUAT PERMOHONAN:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Pengerang melalui pautan <https://forms.gle/486mmttBJ9DKE6UR6> atau imbas QR Code di bawah:



**BORANG PERMOHONAN
JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN Pengerang**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 26 FEBRUARI 2026

2. Semua permohonan hendaklah disertakan:
 - i. Ringkasan maklumat peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja (*resume*),
 - ii. Salinan sijil tamat persekolahan/ sijil berhenti sekolah yang telah disahkan,
 - iii. Salinan sijil pendidikan tertinggi (Ijazah/ Diploma/ STPM/ SPM) yang telah disahkan, dan
 - iv. Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui laman web interaktif <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil/Diploma/Ijazah)
3. Permohonan bagi **jawatan Gred 5 dan ke atas adalah DIWAJIBKAN** untuk menyertakan satu (1) video yang mengandungi penerangan serta jawapan kepada soalan-soalan berikut :

Soalan bagi jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa, J9 :

‘Jelaskan satu isu perancangan bandar di kawasan Pengerang yang pada pandangan anda perlu diberi keutamaan, serta jelaskan langkah awal yang akan anda ambil untuk menanganinya.’

Soalan bagi jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, U5 :

‘Mengapa anda berminat untuk bekerja di Majlis Perbandaran Pengerang dan apakah salah satu isu di Pengerang ketika ini yang anda rasa anda boleh bantu selesaikan melalui jawatan yang anda pohon?’

4. Pemohon digalakkan menghasilkan rakaman video yang menarik dan kreatif dan perlu dimuat naik ke dalam borang permohonan yang disediakan. Setiap video yang dihantar perlu dinamakan semula (rename) dengan mengandungi maklumat berikut : (Nama Pemohon_No.Kad Pengenalan_Jawatan yang dipohon)

Rakaman video hendaklah dihasilkan dengan memenuhi ketetapan berikut :

- i) Berdurasi tidak melebihi 60 saat (1 minit);
 - ii) Menggunakan suara pemohon sebenar.
5. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan tiga (3) laporan penilaian prestasi tahunan yang terakhir sepertimana mengikut peraturan 18 Tahun 2012 dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan penamatan Perkhidmatan) yang perlu di bawa semasa temuduga.

6. Semua pemohon yang disenarai pendek perlu mengambil Ujian i-Psikologi, Ujian Pemahaman, Ujian Kecergasan (jika berkaitan) dan Ujian Pemanduan (jika berkaitan) berdasarkan jawatan yang dipohon. Hanya calon yang layak dan melepasi ujian-ujian tersebut akan dihubungi untuk di temuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

PERMOHONAN YANG AKAN DITOLAK:

1. Borang permohonan yang tidak lengkap.
2. Borang yang tidak disertakan dokumen yang lengkap.
3. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi kakitangan Kerajaan.
4. Borang yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
5. Pemohon tidak memenuhi/ tidak menepati syarat-syarat lantikan jawatan yang diiklankan.



(NORAZMI BIN AMIR HAMZAH)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pengerang
nah/mh/mhh/iklan/jawatan/kosong

8